

21 JUL 2000

Mathew-Berkabung

TEMPOH BERKABUNG 14 HARI BAGI ANGGOTA KOMANDO BERAKHIR ESOK

Oleh: Edward Steven Subeng

NANGA TADA (Kanowit), 21 Julai (Bernama) -- Tempoh berkabung atau "Ngulit" dalam bahasa Iban bagi anggota komando yang dibunuh, Mathew anak Medan berakhir esok.

Bapanya, Medan anak Nunying, 61, ketika ditemui di rumah panjang, Rumah Meruan di Skim Penempatan Semula Nanga Tada di sini hari ini berkata tempoh berkabung selama 14 hari itu berakhir dengan upacara sembahyang dan perhimpunan semua sanak-saudara dan rakan-rakan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie yang juga Anggota Parlimen bagi Kanowit ialah antara Orang Kenamaan yang akan menghadiri upacara itu atau "Ngitas Ulit" seperti dikenali di kalangan masyarakat Iban.

Yang lain ialah Panglima Satu Wilayah (bagi Sabah dan Sarawak) Mej Jen Datuk Pahlawan Mohd Azumi bin Mohammed.

Masyarakat Iban ialah antara suku kaum di Sarawak yang masih mengamalkan adat itu apabila berlaku kematian di rumah panjang walaupun orang yang meninggal itu telah memeluk agama Kristian.

Berkabung juga diamalkan jika penghuni rumah panjang seperti dalam kes Mathew, meninggal dunia di tempat lain tetapi mayatnya dibawa pulang untuk dikebumikan.

Dalam tempoh berkabung, sebarang sambutan atau upacara sosial tidak dibenar diadakan di rumah panjang kecuali dalam kes tertentu tetapi keluarga berkenaan perlu diberitahu dahulu.

Ia sebagai tanda memberi penghormatan dan menunjukkan tanda simpati kepada keluarga oleh penghuni rumah panjang yang lain.

Sementara itu, Medan berkata beliau amat berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri masing-masing kerana menziarahi mereka untuk menyampaikan sendiri ucapan takziah semasa Perdana Menteri melakukan lawatan ke Kuching minggu lalu.

Beliau berkata Dr Mahathir dan Taib telah menunjukkan contoh sebagai pemimpin yang penyayang dan bersusah payah untuk menemui rakyat biasa seperti beliau.

Medan juga melahirkan penghargaan kepada Angkatan Tentera kerana menguruskan persiapan membawa pulang jenazah Mathew dan juga membantu dalam upacara pengebumian.

Medan sekali lagi melahirkan hasrat supaya mereka yang bertanggungjawab terhadap kematian anaknya menerima hukuman.

-- BERNAMA

ESS FAZ